




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9. BILANGAN 23.

RABU 2 DISEMBER, 1964.

رابو 28 رجب 1384

PERCHUMA

D. Y. M. M. Menafikan Berita2

BAHAWA BAGINDA MENYOKONG PERGERAKAN

Anti-Malaysia Dan Kemerdekaan Kalimantan Utara

LONDON.—Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menafikan berita2 akhbar bahawa Baginda menyokong pergerakan anti-Malaysia dan kemerdekaan Kalimantan Utara.

Akhbar Harian Malaysia, Utusan Melayu keluaran 20 November yang telah memetik shariat berita Indonesia, Antara berkata Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan juga telah memberi bantuan kepada gurila2 di-Kalimantan Utara.

Dalam satu kenyataan yang di-terbitkan di-London pada 25 November, 1964, Baginda telah mengutok pencherobohan Indonesia terhadap Malaysia yang berdaulat itu dan menafikan bahawa Baginda menyokong pergerakan anti-Malaysia atau kemerdekaan Kalimantan Utara.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang bersemayam di-London untuk mengadakan rundingan2 dengan Pejabat Perhubungan Commonwealth telah

menerbitkan kandungan sa-pu-chok surat yang di-kirimkan kepada Lieut.-Gen. Djatikusumo yang di-sifatkan sa-bagai wakil peribadi Presiden Sukarno, yang menyatakan bahawa Baginda tidak pernah mempunyai sa-barang perhubungan dengan Presiden Sukarno atau Kerajaan Indonesia.

Surat itu yang sa-bagai jawapan kepada surat Lieutenant General Djatikusumo, berkata Baginda tidak mempunyai chita2 untuk mengambil bahagian dalam gagasan Maphilindo ia-itu sa-buah gabungan di-antara Ma-

laysia, Filipina dan Indonesia. Dalam surat itu Baginda telah menegaskan bahawa Brunei sentiasa mempunyai perhubungan baik dengan jiran2 yang sekarang menjadi bahagian dari negara Malaysia.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan juga berkata, kedua2nya Baginda dan Kerajaan Brunei telah mengakui pembentukan Persekutuan Malaysia sejak ia di-tubuhkan dan ingin mempererat lagi perhubungan yang baik itu.

Sementara itu, sa-orang juruchakap Kerajaan Brunei berkata bahawa berita yang di-siarkan oleh shariat berita resmi Indonesia Antara di-Jakarta bertarikh 19 November, 1964 yang di-petik oleh akhbar2 di-luar negeri mengenai kechaman dan tuduhan Kerajaan British kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana

Al-Sultan itu ada lah satu berita yang sengahja di-reka dan mengelirukan.

Kerajaan Brunei mengakui pembentukan Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat dan tidak ada sa-barang perselisihan politik di-Brunei mengenai soal ini.

Juruchakap itu menambah bahawa Kerajaan Brunei dan ra'ayat chintakan kebebasan dan keamanan. Mereka mengutok penderhaka'an di-Brunei dan tidak mengingini sa-barang chadangan untuk menyokong penderhaka'an itu.

PEMBENAAN PELABOHAN MUARA:

Pemangku M. B. Menanda-Tangani Perjanjian

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, bagi pehak Kerajaan Brunei telah mengikat satu perjanjian dengan sa-buah shariat penaschat2 jurutera British untuk membena sa-buah pelabohan ayer dalam di-Muara, pada 18 November, 1964.

Pelabohan itu, sa-buah projek penting di-bawah Rancangan Kemajuan Negara Tahun 1962 hingga tahun 1966, akan mempunyai dua buah tambatan untuk kapal2 besar dan apabila siap akan dapat menguruskan barang2 biasa yang di-pungkah di-antara 200,000 hingga 250,000 tan sa-tahun.

Projek itu di-taksirkan akan memakan belanja sa-banyak kira2 32 juta ringgit bagi kerja2 mendalamkan pelabohan, pembenaan dan mengadakan alat kelengkapan.

Ia-nva di-jangka akan siap kira2 dalam masa dua tahun. Pekerjaan akan di-mulakan kira2 (Lihat Muka 8)

Pendaftaran Pengundi2 Pilehan Raya

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran pengundi2 bagi Pilehan Raya Majlis2 Mashuarat Daerah dan Negeri telah di-mulakan di-seluruh Negeri Brunei mulai 1 Disember, 1964.

Pendaftaran tersebut akan berjalan sa-hingga akhir bulan ini.

Pada masa pendaftaran tersebut di-adakan, Pegawai2 dari Jabatan Pilehan Raya Negeri Brunei akan melawat ka-Kampung2 di-seluruh negeri ini untuk menchatetkan nama2 ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang berhak mengundi.

Untuk pengetahuan pengundi2 tersebut dan lain2-nya, pendaftaran Pengundi2 Pilehan Raya Tahun 1962 telah di-batalkan.

Penghulu2, Ketua2 Kampung dan penduduk2 kampung di-seluruh negeri ini ada-lah di-minta bekerjasama untuk menjayakan pendaftaran tersebut.



Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim selaku Wakil Kerajaan Brunei, kelihatan dalam gambar ini menanda-tangani perjanjian dengan sa-buah Shariat Penaschat2 Jurutera British bagi pembenaan sa-buah pelabohan ayer dalam di-Muara pada 18 November, 1964.

529 Orang Lulus Peperiksaan Membenteras Buta Huruf Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI.—Seramai 529 orang penuntut2 Kelas2 Dewasa dari seluruh Negeri Brunei yang telah memasuki Peperiksaan Membenteras Buta Huruf di-bawah anjoran Bahagian Bahasa dan Pustaka, Jabatan Pelajaran Brunei pada 18 September, 1964 telah lulus dalam peperiksaan itu.

Jumlah penuntut2 yang telah lulus dalam peperiksaan tersebut di-tiap2 Kumpulan: Brunei 1 — 77 orang. Kumpulan Brunei II — 165 orang. Kumpulan Tutong — 127 orang. Kumpulan Belait — 78 orang dan Kumpulan Temburong — 82 orang.

Penuntut2 yang telah berjaya dalam peperiksaan tersebut dan di-akui boleh membaca dan menulis ada-lah seperti dibawah ini :

KUMPULAN BRUNEI I

(A) Sekolah Melayu Laila Menchanai :

1. Pengiran Abdul Samad bin Pengiran Haji Abu Bakar. 2. Awang Ismail bin Pg. Sabtu. 3. Md. Safar bin Abdullah. 4. Ali Akhbar bin Mohammad. 5. Zakaria bin Hassan. 6. Md. Salleh bin Gadong.

7. Duraman bin Apong. 8. Ismail bin Apong. 9. Bakar bin Md. Yusof. 10. Kassim bin Haji Mayasin. 11. Tengah bin Momin. 12. Abdul Latif bin Tujoh.

13. Baki bin Timbang. 14. Bungsu bin Buntar. 15. Zulkifli bin Tahir. 16. Damit bin Merali. 17. Haji Moksin bin Ismail.

(B) Sekolah Melayu Pintu Malim :

1. Sa'adiah binte Omar. 2. Norsalam binte Haji Jerudin. 3. Hasnah binte A. Hitam. 4. Zauyah binte Abdul Rahman. 5. Rosni binte Md. Yassin. 6. Sinon binte Haji Jerudin.

7. Hasnah binte Md. Yassin. 8. Rosnani binte Haji Abdul Hamid. 9. Sarifah binte A. Sunggoh. 10. Maisalamah binte Haji Hamid. 11. Norani binte A. Sunggoh. 12. Hajjah Zakiah binte Haji Rajak.

13. Mayang binte A. Yakub. 14. Peng. Hajjah Zauyah binte P.H.Z. Abidin. 15. Tengah binte Haji Kasah. 16. Tengah binte Ahmad. 17. Sa'erah binte Hashim. 18. Sulaiman bin Tamin.

19. Ahmad bin Ibrahim. 20. Daud bin Said. 21. Jaafar bin Ismail. 22. Haji Rajak bin Muhammad. 23. Abdul Halim bin Ibrahim. 24. Haji Tengah bin Hashim. 25. Normah binte Haji Hamid.

(C) Sekolah Melayu Sungai Kebun :

1. Julai bin Ahmad. 2. Ak. Damit bin Pengiran Yakub. 3. Mokhtar bin Muhammad. 4. Umar bin Haji Maidin. 5. Taha bin Haji Maidin.

6. Ahmad bin Haji Maidin. 7. Aw. Damit bin Haji Maidin. 8. Ak. Sulong bin Pengiran Besar. 9. Tunjang bin Kahar. 10. Mokti bin Md. Salleh.

11. Ak. Chuchu bin Pengiran Zainal. 12. Metussin bin Ibrahim. 13. Halim bin Abdul Rahman. 14. Hamdan bin Abdul Rahman. 15. Maralin bin Metussin.

(D) Balai Pengiran Anak Safar :

1. Daud bin Haji Bakar. 2. Tuah bin Rimba. 3. Taha bin Jambol. 4. Serudin bin Duraman.

5. Abdul Rahman bin Abdullah. 6. Md. Zain bin Badar. 7. Ismail bin Penglima Raja. 8. Zainin bin Yaakub.

(E) Rumah Ketua Kampung Peramu :

1. Md. Noor bin Abdullah.

(F) Balai Kampung Pandai Besi "B" :

1. Abdullah bin Chuchu. 2. Abu Bakar bin Ahmad. 3. Adam bin Tundak. 4. Ibrahim bin Ahmad. 5. Damit bin Tundak.

6. Damit bin Momin. 7. Bungsu bin Ahmad. 8. Omar bin Abdul Latif. 9. Hidup bin Abdul Kadir. 10. Ahmad bin Jambol. 11. Abdul Karim bin Hodabai.

KUMPULAN BRUNEI II

(A) Sekolah Melayu Gadong :

1. Dayang Ramlah binte Awang Damit. 2. Halimah binte Abdul Rahim. 3. Mala binte Manggol. 4. Almah binte Md. Daud. 5. Norlipah binte Haji Latif.

6. Bani binte Awang Jambu. 7. Siti Aminah binte Berudin. 8. Salmah binte Haji Tuah. 9. Aliah binte Lamit. 10. Saindah binte Baha.

11. Bintang binte Kassim. 12. Zauyah binte Kassim. 13. Norleha binte Hj. Tamit. 14. Sadah binte Untong. 15. Zalimah binte Shawal. 19. Haji Nawang bin Md. Ali.

(B) Sekolah Melayu Sengkuring :

1. Norseh binte Basir. 2. Halimah binte Matasim. 3. Aisah binte Kamis. 4. Aisah binte Haji Damit. 5. Badariah binte Haji Ibrahim. 6. Tan Sew Kee.

7. Jamilah binte Jaffar. 8. Tan Sew Eng. 9. Madah binte Dagang. 10. Noridah binte Simat. 11. Sarifah binte Salleh. 12. Damit binte O.K. Haji Saman. 13. Sa'adiah binte Ali Hassan.

(C) Sekolah Melayu Panchor Murai :

1. Lamit bin Baha. 2. Pantong bin Talip. 3. Saban bin Timbang.

(D) Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok :

1. Md. Safar bin Awang Ahmad. 2. Awang Besar Tujoh. 3. Kamis bin Tangkim. 4. Mahara bin Mohammad. 5. Jamilah binte Ahmad. 6. Rendah binte Ibrahim.

(E) Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar :

1. Muhammad bin Baha. 2. Bangkok bin Matassan. 3. Naweh bin Ahmad. 4. Nayan bin Md. Yusof.

(F) Sekolah Melayu Sungai Hanching :

1. Kalong bin Hour. 2. Mahani binte Metusin. 3. Aminah binte Lakim. 4. Kumpul binte Haji Bakar. 5. Halimah binte Haji Abdul Rahman.

6. Mariam binte Haji Hassan. 7. Halimah binte Nasir. 8. Afsah binte Haji Lamat. 9. Nafiah binte Haji Lamat. 10. Tea Chee Eng.

(G) Sekolah Melayu Tanah Jambu :

1. Sari binte Hashim. 2. Salam binte Abdul Rahim.

(H) Sekolah Melayu Mentiri :

1. Ahad bin Daud. 2. Sudin bin Amor. 3. Abdullah bin Adi. 4. Ma'at bin Sabtu. 5. Logan bin Misir.

6. Kamis bin Lamat. 7. Lamat bin Simbin. 8. Amsiah binte Rabaha. 9. Sunah binte Amor.

(I) Sekolah Melayu Jerudong :

1. Abdul Ghani bin Sidup. 2. Su-

boh binte Pudim. 3. Alam binte Sitam. 4. Saidah binte Dagang.

(J) Sekolah Melayu Bengkurong :

1. Muhammad bin Sudin. 2. Zahari bin Jumat. 3. Abdul Kahar bin Haji Salleh. 4. Abdul Ghafar bin Ghani. 5. Md. Yusof bin Ludin. 6. Haji Sulaiman bin Othman.

7. Nayan bin Jumat. 8. Kampung bin Ghafar. 9. Abdul Halim bin Laman. 10. Md. Hassan bin Bagol. 11. Jumat bin Haji Nayan. 12. Haji Sabtu bin Samad. 13. Muhammad bin Tamit.

(K) Sekolah Melayu Anggerak Desa :

1. Ahmad Bujang bin Abdullah.

(L) Sekolah Melayu Kasat :

1. Dullah bin Serudin. 2. Dongglah bin Haji Tasim.

(M) Sekolah Melayu Lumapas :

1. Nayan bin Momin. 2. Maisalamah binte Kamis. 3. Dayang Damit binte Ghafar. 4. Jerudin bin Orang Kaya Kesuma Haji Tahir. 5. Abdul Rahman bin Haji Abdullah.

(N) Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Burong Pinggai :

1. Haji Omar bin Md. Seruddin. 2. Md. Daud bin Salleh. 3. Abdul Rahman bin Bakar. 4. Abdul Rajak bin Abdul Hai. 5. Awang Kaling bin Serudin.

6. Awang Tengah bin Arsad. 7. Marshin bin Arsad. 8. Abdul Raub bin Abdul Latif. 9. Muhammad bin Jambul. 10. Md. Daud bin Awang Damit.

11. Minah binte Sani. 12. Rabiah binte Abdul Hai. 13. Hasnah binte Abdul Hai. 14. Arbiah binte Khatib Imran. 15. Salmah binte Yassin. 16. Armah binte Shawal. 17. Arfah binte Samat.

(O) Sekolah Melayu Lambak :

1. Asmah binte Tamit. 2. Hamidah binte Tamit. 3. Norbanon binte Isa. 4. Aimah binte Abdul Rahman. 5. Zainun binte Abdul Rahman. 6. Zakiah binte Metassan.

7. Taibah binte Nasir. 8. Sindum binte Nasir. 9. Zuai binte Abu Bakar. 10. Aisah binte Bengga. 11. Shari binte Zair. 12. Pipit binte Isa. 13. Zainab binte Alim. 14. Bunil binte Abu Bakar. 15. Asmah binte Jaludin. 16. Siah binte Jaludin. 17. Hamdini binte Tuah. 18. Salbiah binte Abu Bakar.

(P) Sekolah Melayu Pengkalan Batu :

1. Nayan bin Mohammad. 2. Tuah bin Ladi. 3. Halim bin Mohammad. 4. Buntar bin Haji Serudin. 5. Simpong bin Sabtu. 6. Haji Kamis bin Bungsu. 7. Tassim bin Bakar. 8. Haji Anit bin Miramit.

(Q) Sekolah Melayu Delima I :

1. Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman. 2. Norsiah binte Haji Othman. 3. Dayangku Damit binte Pengiran Lahab. 4. Dayangku Zainab binte Pengiran Nayan. 5. Dayangku Sarbanum binte Pengiran Duraim.

(R) Sekolah Melayu Katimahir :

1. Madin bin Meramid. 2. Shawal bin Bangkok. 3. Junid bin Rajab. 4. Wahab bin Untong.

5. Adi bin Kahar. 6. Rahman bin Bahar. 7. Safar bin Abdul Rahim. 8. Basir bin Haji Damit. 9. Pakar bin Ismail.

(S) Balai Kampung Mata-Mata :

1. Asmat bin Pangis. 2. Bakar bin Aji. 3. Jaafar bin Serudin. 4. Lazim

bin Lakim. 5. Muhammad bin Mail. 6. Salleh bin Abdullah. 7. Dk. Masni binte Pengiran Tajuddin. 8. Kamis bin Abdullah. 9. Kahar bin Kamis. 10. Tuah bin Sabtu. 11. Omar bin Haji Sabtu.

(T) Penjara Jerudong :

1. Ak. Shamsudin bin Pengiran Bakar. 2. Rahman bin Yusof. 3. Ak. Nordin. 4. Jimin bin Buntar.

(U) Balai Kampung

Pelambayan :

1. Aisah binte Salleh. 2. Husnah binte Matasim. 3. Zaibadah binte Omar. 4. Chuchu bin Samad. 5. Haji Metussin bin Safar.

6. Chuchu bin Jaafar. 7. Muhammad bin Taha. 8. Ibrahim bin Metarsad. 9. Zainal bin Jaafar. 10. Mahruf bin Metassim.

KUMPULAN BELAIT

(A) Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait :

1. Putit binte Samin. 2. Naimah binte Man. 3. Norhaini binte Haji Adnan. 4. Normah binte Nasir. 5. Rana binte Mujun. 6. Samiah binte Haji Mahadi.

7. Salhak binte Haji Ismail. 8. Halimah binte Ahmad. 9. Rejimah binte Rosli. 10. Jijon binte Ahmad. 11. Azizah binte Serudin. 12. Fatimah binte Bakar.

13. Muslim binte Mokti. 14. Refemah binte Jimin. 15. Saipon binte Merussin. 16. Jamilah binte Suntai. 17. Aisah binte Haji Adnan. 18. Sh. Mahani binte Sy. Abdul Rahman. 19. Mahani binte Daud.

(B) Sekolah Melayu

Muhammad Alam, Seria :

1. Sarah binte Awang Taha. 2. Zaliha binte Hamzah. 3. Dara binte Medeli. 4. Safiah binte Abdul Hamid.

(C) Sekolah Melayu Telisai :

1. Md. Said bin Abdullah. 2. Sabtu bin Abu Bakar. 3. Musa bin Abu Bakar.

4. Ibrahim bin Hassan. 5. Md. Nor bin Tahir. 6. Merikan bin Malim. 7. Kasim bin Idris.

(D) Sekolah Melayu Bukit Sawat :

1. Alias bin Kunchol. 2. Gambar bin Chuchu. 3. Saniah bin O.K. Sa-haari. 4. Rusnah binte Husain. 5. Masni binte Abdul Rahman.

6. Rokiah binte Abdul Rahman. 7. Salinah binte Abdul Rahman. 8. Zainah binte Md. Batiam. 9. Siti Awan binte Peria. 10. Munah binte Deek. 11. Nora'ati binte Kunchol.

(E) Sekolah Melayu Sungai Liang :

1. Baging bin Kapong. 2. Libau bin Limpar. 3. Tampil bin Limpar. 4. Saidah binte Ribut.

5. Halimah binte Md. Zain. 6. Nong. 7. Saidin bin Gani. 8. Lidu bin Tadong.

(F) Balai Kampung Lumut :

1. Amir bin Ismail. 2. Lani bin Md. Yusof. 3. Siri binte Johari. 4. Salin binte Ginan. 5. Sifir bin Tangkaja. 6. Gusni binte Dampul.

7. Permata Siah b. Tarif. 8. Salmah binte Zainan. 9. Nubar anak Adom. 10. Puput anak Adom. 11. Salam bte. Madah. 12. Asmah binte Abu Hassan. 13. Junih bin Ginan. 14. Pang Hing bin Pg. Moi. 15. Pang Nam bin Pg. Moi. 16. Lem Pirndu. 17. Regch bin Ginan. 18. Muhammad bin Rajak.

(G) Sekolah Melayu Danau :

1. Yaakub bin Ibrahim. 2. Mok Tai Fong. 3. Jamaliah binte Ibrahim. 4. S. Banun binte Abdul Ghani. 5. Norsiah binte Simu.

6. Zaliha binte Taim. 7. Maimunah binte Tabit. 8. Fatimah binte Mokti.

(Lihat Muka 3).

UPACHARA MENYAMPAIKAN HADIAH2 KEPUJIAN SHARIKAT MINYAK SHELL

TUTONG.—Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menghadihkan chenderamata berupa pena jenis Sheaffer dan surat kepujian kepada 44 orang murid2 dari 21 buah Sekolah2 Melayu di-Daerah Tutong yang telah berjaya dalam lapangan pelajaran pada tahun lepas.

Murid2 itu ada-lah terdiri dari Bangsa2 Melayu, Dusun, Iban dan China.

Hadiah2 tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Cheah Tat Kheam bagi pehak Sharikat Minyak Shell di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada pagi 25 November.

Awang Cheah berkata dalam ucapan-nya di-majlis tersebut bahawa beliau berasa gembira hadir di-majlis itu untuk menyampaikan hadiah2 kepujian bagi pehak Sharikat Minyak Shell kepada murid2 yang berkenaan.

Beliau telah menyampaikan tahniah dari Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Thomson kepada murid2 itu dan berharap sa-moga

murid2 tersebut akan rajin belajar dengan bersungguh2-nya.

Awang Abdi Manaf, selaku Wakil dari Jabatan Pelajaran Brunei telah mengucapkan terima kasih kepada Sharikat Minyak Shell yang telah mengeluarkan berbagai2 hadiah, termasuk hadiah kepujian tersebut kepada murid2 Sekolah di-negeri ini semenjak beberapa tahun yang lalu.

Beliau telah menyeru kepada murid2 Sekolah sa-umom-nya di-negeri ini supaya mereka menuntut ilmu pelajaran dengan bersungguh2 sa-hingga meningkat ka-peringkat yang tinggi kelak.

Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong, Awang Mohamed Daud bin Serudin pula berkata bahawa sunggoh pun hadiah2

Sharikat Minyak Shell itu berupa hadiah2 yang kecil, akan tetapi beliau percaya hadiah2 itu sangat-lah berat dan mendalam di-segi pelajaran kepada murid2 Sekolah.

Awang Mohamed Daud telah mengucapkan terima kasih kepada Sharikat Minyak Shell terhadap hadiah2 tersebut dan juga mengucapkan tahniah kepada murid2 yang telah berjaya memenangi hadiah2 yang berharga itu.

Guru Besar Sekolah Melayu Muda Hashim, Chegu Awang Abang Bol-Hasan bin Datu Petinggi, selaku Pengerusi Majlis tersebut tidak juga ketinggalan mengucapkan terima kasih kepada Sharikat Minyak Shell dan mengucapkan tahniah kepada murid2 yang telah memenangi hadiah2 tersebut.

Majlis itu di-akhiri dengan jamuan teh di-Sekolah Melayu Muda Hashim.

KEINDERAAN MEMBAWA JENAZAH

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah pun menyediakan keinderaan untuk membawa Jenazah ka-Tanah Perkuboran mulai pada 10 November, 1964.

Kaum Muslimin dan Muslimat di-Daerah Brunei dan Muara yang berhajat hendak menggunakan keinderaan tersebut, boleh-lah membuat permohonan kepada Kadzi, Daerah Brunei dan Muara, melalui Pegawai Pengawas Kubor, d/a Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei.

Keterangan yang lanjut berkenaan dengan keinderaan tersebut, boleh-lah didapati dari Pegawai Pengawas Kubor, Brunei, Awang Salim bin Pehin Dato Imam Haji Mokti.

KEPUTUSAN PEPEREKSAN BUTA HURUF

(Dari Muka 2).

9. Habibah binte Zainuddin, 10. Hajjah binte Muhammad.

(H) Sekolah Melayu Kuala Balai :

1. Asmah binte Yusof.

KUMPULAN TUTONG

(A) Sekolah Melayu Kupang:

1. Md. Salleh bin Kula. 2. Jumat bin Isa.

(B) Sekolah Melayu Bukit Udal :

1. Senang bin Menbangan. 2. Merah bin Bongkok. 3. Libah bin Humid. 4. Emong bin Kasim. 5. Puchok bin Besar. 6. Milah binte Durun. 7. Rohana binte Bongkok. 8. Kem Tea Ah Sau.

(C) Sekolah Melayu Bakiau :

1. Sigiah binte Daud. 2. Hasa binte Daud. 3. Sahara binte Ahmad. 4. Kamariah binte Ahmad. 5. Rosnah binte Ahmad. 6. Pangan bin Yundai. 7. Metamit bin Udin. 8. Abdullah bin Ahmad. 9. Abdul Rajak bin Ahmad. 10. Hashim bin Ahmad. 11. Yus bin Itan. 12. Idris bin Ahad. 13. Gimbar bin Ajang. 14. Musim binte Aja. 15. Fatimah binte Bungsu. 16. Siti Minah binte Md. Nor. 17. Sarimah binte Md. Nor. 18. Masnah binte Bahari. 19. Patah binte Abang. 20. Kandak binte Ajang. 21. Fatimah binte Lapih. 22. Seliah binte Arshad. 23. Yang Tong Mey.

(D) Sekolah Melayu Kiudang:

1. Ateh binte Asoh. 2. Kachi binte Kumpoh. 3. Aminah binte Siok. 4. Sarimah binte Inja. 5. Maisalamah binte Serudin. 6. Amoi binte Angau. 7. Andoi binte Agal. 8. Marak bin Hidup. 9. Kinchoi bin Md. Salleh. 10. Awang bin Nanggang. 11. Tamin bin Angkai. 12. Kumpoh bin Labu.

(E) Sekolah Melayu Panchong:

1. Kilat bin Ampang. 2. Bauk bin Dua. 3. Gunong bin Jambu. 4. Lu Ku Yon. 5. Untong bin Madah. 6. Zaimah bte. Sanai. 7. Hafsah binte Kawang.

(F) Sekolah Melayu Birau:

1. Layeh bin Ludin. 2. Naim bin Bungsu. 3. Naik bin Elor. 4. Yulang bin Ambang. 5. Maie bin Hussin. 6. Alun bin Layang. 7. Kai Fah binte Lin Chan. 8. Niah binte Ayum. 9. Kim Lin binte Koooh Boon. 10. Suwah binte Lin Chan. 11. Ngawan bin Wing.

(G) Sekolah Melayu Rambai :

1. Teo Jock Lim. 2. Lakip bin Liteh. 3. Nyambong bin Rayun. 4. Kudun bin Tuah. 5. Abidin bin Harun. 6. Sitim bin Gudang. 7. Nasar bin Rayun. 8. Jiti bin Gudang.

(H) Sekolah Melayu Lamunin:

1. Mireh binte Abdul Hamid. 2. Daman bin Enja. 3. Khatam bin Ismail. 4. Panggil bin Enja. 5. Pulut bin Kubu. 6. Utar bin A.K. Andar. 7. Yunin bin Sandor. 8. Amit bin Salir. 9. Katam bin Panggil. 10. Suhaili bin Dagon. 11. Sumin bin Yampil. 12. Sulaiman bin Yaakub. 13. Yaring bin Yanggoi. 14. Othman bin Ismail. 15. Md. Noor bin Burut. 16. Ahmad bin Hussain.

(I) Sekolah Melayu Penanjong:

1. Othman bin Shamsudin. 2. Othman bin Hussain. 3. Tajuddin bin Sunting. 4. Ismail bin Tarif. 5. Dula-min Saat.

(J) Sekolah Melayu Kampong Menengah :

1. Tipah binte Majid. 2. Mahal binte Untong. 3. Bani binte Jumarat. 4. Sadah binte Othman. 5. Lamiyah binte Israil. 6. Tamah binte Saman. 7. Damit binte Saban. 8. Tasim bin Aman. 9. Kula bin Sitam. 10. Untong bin Tinggal. 11. Tengah bin Tamin. 12. Adi bin Pulut. 13. Jais bin Agar. 14. Maidin bin Jumarat. 15. Badau bin Amat. 16. Sahat bin Adis.

(K) Sekolah Melayu Layang :

1. Bujang bin Agol. 2. Jaafar bin Layu. 3. Atin bin Ahmad. 4. Saban bin Agol. 5. Md. Yassin bin Yusof. 6. Shahbuddin bin Ahmad.

(L) Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya:

1. Norlia binte Md. Said. 2. Sa-adiah binte Salleh. 3. Hajjah binte Tengah. 4. Siti Hawa binte Haji Said. 5. Eya bin Pyt. Pali. 6. Haji Yassin bin Haji Hassan. 7. Abdul Kahar bin Aman. 8. Ibrahim bin Kudi. 9. Shahbuddin bin Yaakub.

(M) Balai Kampong Sangkarai:

1. Zaini bin Laila. 2. Taha bin Ahmad. 3. Bakar bin Safar.

(N) Sekolah Melayu Batang Mitus :

1. Tomi bin Ambang. 2. Juan bin Siang. 3. Yusob bin Ajang. 4. Siti binte Pagar. 5. Musim binte Binting. 6. Yusob bin Kanaui. 7. Lidam bin Ritong. 8. Enjan bin Bayam. 9. Tawi bin Ajang. 10. Nangkat bin Kitang. 11. Aban bin Usang.

KUMPULAN TEMBURONG

(A) Sekolah Melayu Puni :

1. Haji Bakar bin Baha. 2. Sulaiman bin Jumat. 3. Jumat bin Kamis. 4. Sunah binte Abu Bakar. 5. Zainab binte Dua. 6. Simbi binte O.K. Haji Hassan. 7. Sa'adiah binte O.K. Haji Rahim.

(B) Sekolah Melayu Batu Marang :

1. Ak. Aluddin bin P. Umar Ali. 2. Am. Hussain bin Am. Salleh. 3. Pengiran Said bin Peng. Haji Tajuddin. 4. Salleh bin Bini. 5. Md. Daud bin Awang Ajak. 6. Ali bin Timbang. 7. Mastura binte Abdul Rahman. 8. Husin bin Duak. 9. Aminah binte Kula. 10. Airah binte Naim. 11. Serbanun binte Razak. 12. Lampai binte Timbang. 13. Tainun binte Md. Nor. 14. Salbiah binte Bidin. 15. Lampai binte Ajak. 16. Kamaliah binte Bini. 17. Baeah binte Mantal. 18. Pengiran Mohammad bin P.H. Besar. 19. P.M. Salleh bin Peng. Yusof. 20. Haji Abd. Rahman Tarim. 21. P. Ibrahim bin P. Ahmad. 22. Am. Damit bin Am. Salleh. 23. Kahar

bin Duak. 24. Damit bin Haji Ahmad. 25. Hassan bin Ismail. 26. Damit bin Ismail. 27. Haji Chuchu bin Timbang.

(C) Sekolah Melayu Menunggol :

1. Jaafar bin Kasim. 2. Abdul Majid bin Nasir. 3. Zaidin bin Bugal. 4. Ismail bin Saban. 5. Tunggal bin Abdul Kadir.

6. Omar bin Daud. 7. Mat Dun bin Dullah. 8. Tamit bin Munap. 9. Kaling bin Daud. 10. Terang bin Kalong.

(D) Sekolah Melayu Piasau2 Labu :

1. Awang bin Said. 2. Tuah bin Haji Pandin. 3. Adin bin Othman. 4. Galawat bin Kukang. 5. Abdul Kadir bin Samsu.

6. Abdul Ghani bin Pangis. 7. Jamahat bin Arus. 8. Kasim bin Adol. 9. Hidup bin Zakaria. 10. Abdul Karim bin Mohammad. 11. Bariah binte Said.

(E) Sekolah Melayu Labu Estate :

1. Awang Darim bin Ahmad. 2. Abu Bakar bin Serudin. 3. Tye Ping Chai. 4. Kassim bin Daud. 5. Ali bin Angsa.

6. Metassan bin Ahad. 7. Sim Bok Ping. 8. Kiang bin Pulah. 9. Sim Jui Hong. 10. Ty Ping Ei.

(F) Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar :

1. Pengiran Abdul Rahman bin Pg. Sulaiman. 2. Abdul Murad bin Daud. 3. Abdul Kahar bin Metussin. 4. Tia Salleh. 5. Wee Liang Ning.

(G) Sekolah Melayu Pulau Berbunut :

1. Hamid bin Md. Rais. 2. Damit bin Alihasan. 3. Serudin bin Alihasan. 4. Mahali bin Alihasan. 5. Budiman bin Abang.

(H) Sekolah Melayu Belingos:

1. Nauyah binte Metussin. 2. Saleha binte Kamis. 3. Majid bin Zainal. 4. Tamin bin Dua. 5. Garif bin Timpos. 6. Muhammad bin Kamis. 7. Sudin bin Sabtu. 8. Kalong bin Abas.



TANAH tempat perumahan Kula sekarang ini ada-lah tanah kepunyaan isteri-nya—Minah binte Awang Besar. Luasnya dua ekar tepat. Tanah ini yang sa-benar-nya kepunyaan Allah yarham bapa Minah—Awang Besar bin Awang Tuah Kuntal. Tapi bila Allah yarham itu sudah tua maka pergi-lah ia dan anak-nya ka-Pejabat Tanah untuk menukar nama dalam geran, daripada nama-nya kepada nama anak-nya itu.

Di-Pejabat Tanah mereka duduk berhadapan dengan Pegawai Tanah.

"Tanah ini dudok-nya di-Piasau Menumpang?" kata Pegawai.

"Ya, benar", sahut Awang Besar di-iringi dengan anggok.

"Luas-nya dua ekar?" kata Pegawai lagi sambil membalik2 geran yang sudah lusoh berwarna kelabu itu.

"Ya", jawab Awang Besar pendek.

"Special condition-nya fruit trees," kata Pegawai Tanah sambil memandang tepat ka-muka Awang Besar.

AWANG BESAR BERGEMBIRA

"Saya kurang faham," kata Awang Besar lalu menggaru2 kepala-nya yang sudah bertambah2 dengan uban di-tutopi sungkok. Awang Besar terasa budoh-nya, kerana geran itu hampir2 lima puluh tahun dalam tangan-nya dan sa-kali sa-kala di-timang2-nya kerana gembira ada memiliki tanah, tapi bila di-tanya mengenai-nya dia tidak tahu. Sial! kutok hati-nya.

"Syarat khas-nya untuk buah2-an", kata Pegawai.

"Oooo yah, yah", kata Awang Besar menganggokkan kepala-nya dan tersenyum kepuasan.

"Sudah penoh di-tanami?"

"Sudah, sudah lama."

"Apa pokok-nya?"

"Banyak, bermacam2"

"Ada durian, mengusta, ada langsung?" tanya Pegawai ingin tahu lanjut.

"Ada, ada", sahut Awang Besar dengan jujur.

"Sekarang musim buah2an bukan?"

"Ya".

Pegawai Tanah tersengeh mendenangkan perbualan-nya itu. Gigi emas-nya yang sa-bilah itu nampak memancarkan cahaya-nya sa-kali sa-kala bila dia tersenyum. Pegawai itu banyak tersenyum daripada ketawa. Tapi muka-nya manis — manis kepada sa-tiap orang yang datang mengunjung-nya.

"Baik-lah, tanah ini berapa hendak di-jualkan kepada orang ini?" tanya Pegawai sambil menunjok dengan ibu jari kepada Minah. Minah dari sejak masuk hanya diam membantu sahaja.

"Saya tidak hendak menjual, pemberian saja", sahut Awang Besar.

Pegawai Tanah menganggokkan kepala-nya dan berkata: "Warith?"

"Yah, yah, untuk anak saya", jawab Awang Besar memandang kepada Minah. Minah tersenyum kema-

TANAH SA-BIDANG DI-BELAKANG DAPOR

lu2an. Muka-nya merah ketika itu. Ia sendiri tidak begitu tahu kegunaan tanah yang di-berikan oleh ayah-nya itu. Mata-nya tundok memandang lantai yang berkilat2 di-mana kaki-nya berpijak dengan memakai selipar Jepon yang bertampal2 tanah kuning yang sudah kering.

"Tanah ini termasuk dalam sheet 7-13-15, dekat jalan."

"Yah, tidak jauh dari jaraya ada lah kira2 tiga empat puluh depa", sahut Awang Besar.

"Tanah ini selalu-nya Kerajaan menaksir berharga empat ribu lima ratus ringgit sa-ekar. Tanah ini jika di-jual memang mahal", Pegawai Tanah menerangkan.

"Yah, sudah ada pun orang hendak beli, Taukeh Si-Sing, tapi saya ta'lepas", kata Awang Besar dengan lancar dan bangga bila mendenangkan harga tanah-nya itu. Dan dalam hati-nya dia berdo'a "mudah2an Minah dapat kesenangan bila memiliki tanah itu nanti".

"Jadi stamp duty-nya arrrr, sembilan ribu, sembilan ribu, enam, enam, enam sembilan yaaa berjumlah kepada lima puluh empat ringgit".

"Apa itu?" tanya Awang Besar segera.

"Belanja stamp, tampal stamp, kita bayar sekarang sa-belum membubuhkan tanda tangan di-hadapan ACLR", ujar Pegawai Tanah sambil memandang tepat ka-muka Awang Besar.

Awang Besar diam sejenak mendenangkan jumlah yang mesti di-bayar-nya itu. Dia berfikir, dia mengira2 berapa ada wang yang ada dalam chelapa besi dalam saku seluar-nya itu. Dada-nya berdebar2. "Duit saya tidak chukop, saya hanya ada lima puluh ringgit, apa hal-nya?" tanya Awang Besar berkata dengan gugup: "Tunggu-lah kau dahulu di-sini Minah, aku jumpa taukeh".

"Tidak payah, tidak payah", kata Pegawai "Saya bayarkan yang selebeh-nya."

Awang Besar gembira se-mula. Semangat-nya serasa pulih. "Terima kasih, terima kasih banyak atas budi

kita", kata-nya sambil tersenyum sunting. Nampak tunggol gusi-nya yang hitam berkarat. "Datang2-lah ka-darat nanti bila ada senang", sambong-nya.

Bila Awang Besar sudah membayarnya maka Pegawai itu pun melekatkan stamp kepada satu borang yang telah siap di-taipkan. Kemudian Awang Besar dan Minah di-bawa masuk ka-dalam satu bilek berhawa dingin. Di-dalam-nya sa-orang laki2 yang pertengahan umur berkaca mata putih.

Di-hadapan Pegawai ACLR, Awang Besar membubuhkan chap ibu jari kiri-nya di-bawah nama "Transferer" dan Minah di-bawah "Transferee", sa-lepas itu mereka pun keluar berjalan sa-iring.

Bila mereka turun dari Pejabat Tanah Awang Besar pun berkata kepada Minah dengan puas: "Shah-lah sudah nama-mu Minah". Minah menganggok tundok dan menutup mata-nya dengan telapak tangan kerana panas mata hari dan sambil berjalan membuntot ayah-nya. Kemudian ayah-nya berkata lagi: "Sedia-kan buah untuk Pegawai Tanah itu dua tekiding Minah".

Dua tahun kemudian Awang Besar pun meninggal dunia. sa-belum dia meninggal Minah telah bersuami. Jadi dalam peninggalan-nya itu tidak

lah dia sangsi. Anak-nya itu sudah ada orang tempat-nya bergantung.

Kemudian beberapa waktu yang sengkat di-buka-lah rumah lama itu dan di-dirikan sa-buah rumah baru oleh Kula. Rumah itu kukoh juga: berinding kulit kayu, atap zing dan bertiang bulian dengan mengandongi empat bilek yang luas.

Minah kini sudah beranak. Anak-nya yang sulung laki2 bernama Jamuddin dan yang kedua sa-orang perempuan Laminah.

Malam itu bila Kula dan isteri-nya baharu hendak berehat2 sa-lepas makan malam dan anak2 mereka baharu sahaja tidur di-dalam datang-lah Haji Lakim — abang Minah. Haji Lakim jarang2 benar menjejakkan

Oleh Muslim Burmat

kaki-nya ka-rumah itu. Boleh di-katakan sa-kali sa-tahun pun payah. Jika ada pun hanya waktu hari raya. Jika dia dudok di-rumah itu rupa-nya saperti melakukan orang dudok di-atas bara. Tidak senang. Dudok sa-kejap dan balik.

"Baru lepas makan?" tanya-nya melekatkan buntot-nya ka-tikar mengkuang kering yang sudah tua.

"Ya, baru sa-bentar", jawab Kula. "Mengapa senyap saja ni?" tanya-nya lagi.

"Budak2. Si-Jamuddin, Si-Laminah baru saja masuk tidor, tadi siang terpekik2, berkejar2an, baru sekarang tenang. Agak-nya budak2 tu leteh juga", kata Kula menerangkan yang tidak di-pinta.

"Sama juga macham kita orang tua", sahut Haji Lakim. Dia menerik paip-nya dari gulungan kain-nya di-punggong. Di-isikan-nya dengan tembakau dari satu tin kecil yang juga tersimpan dalam gulungan kain-nya itu. Kemudian dia menyalakan-nya pada api lampu minyak yang menerangi bilek itu. Dua kali dia menyedut

dalam2, ke-enakan — dia pun menchabut dari mulut-nya dan berkata: "Kau tidak turun ka-sawah tadi Minah?"

"Tidak ka", kami sudah siap bertanam", sahut Minah.

"Aku juga belum, susah nam-pak-nya, lintah banyak, ibu Si-Dolah tidak dapat buat apa2, sa-kali turun ka-ayer sa-kali pula memecik ke-ge-lian", kata Haji Lakim sambil ketawa mengingatkan telatah isteri-nya yang rajin itu. Kemudian dia memasukkan lagi paip-nya ka-dalam mulut-nya dan seketika menghambuskan asap berkepol macham asap kapal serumbong biru.

"Orang2 yang di-hulu itu membajak pakai kerbau", kata Kula. "Tahi kerbau itu-lah yang menjadi lintah", sambong-nya.

"Kata orang pun begitu", sahut Haji Lakim. "Tahun2 dulu tidak banyak begini. Time itu kerbau baru dua saja", sambong-nya sambil menchabut paip dan mengaru2 batang hidong-nya. Kemudian dia bersin dua kali berturut2, "Alhamdulillahhh", ujar-nya menurut resin-nya. Ia mengesat muka-nya yang basah kena ayer lior-nya itu.

"Sekarang ini sudah berapa?" tanya Minah.

"Heh, sudah banyak, tidak kurang dari lima belas ekor", jawab suami-nya. "Tuah dua, Lamat tiga, Jumat tiga, Anggas empat, Sigai lima, Nayan lima, heh lebeh dua puluh ekor sudah", sambong-nya sambil membi-lang2 jari-nya. "Apa kita tidak ka-bahan lintah, kita orang di-hilir, apa datang terima, tahi kerbau itu bera- pa hanyut sa-tiap hari".

"Pakai kerbau tu memang senang, tidak sakit bahu menghayun parang, menchingang tunggol2 padang itu", sempok Haji Lakim sambil menghambus2-kan asap. Asap bertali2 keluar dari mulut-nya.

"Macham saya ni tidak terdaya hendak beli kerbau sa-ekor pun. Biar berjerih membiasakan diri saja menchingang tunggol2 padang. Kerja di-Jabatan Bandaruan pun pegang parang juga. Sudah biasa pun", kata Kula sambil tersenyum2 menghalai ka-arah isteri-nya. Dia mengerlipkan mata-nya. Isteri-nya tahu erti kelipan mata-nya itu. Apa garangan hajat Si-Haji ini datang ka-rumah mereka waktu malam ini?

"Panas benar hawa malam ini", kata Kula mengalih perbualan sambil mengipaskan baju-nya yang sudah teras damal sa-belah belakang. "Di-langit penoh berbintang", kata-nya lagi sambil menunjol2kan kepala memandangi muka pintu. "Alamat tidak hujan sa-hari dua ini", sambong-nya.

"Biar tidak hujan awal2 ini, nanti

kalau lebat habis semai di-hanyutkan-nya", sahut Haji Lakim.

"Padi kami itu hampir parit besar, tumpuan ayer, kalau ayer deras rosak binasa-lah padi di-tanggong-nya", sahut Minah.

"Kula hanya menganggokkan kepala-nya menyetujui isteri-nya.

KALAU PADI SUDAH TINGGI . . .

"Nanti kalau daun padi nampak, sudah tinggi hijau, akar-nya pun sudah panjang ketika itu" Haji Lakim menyahut pula.

"— Ya, ketika itu hujan-lah yang di-mau", Kula memotong.

"Padi paya memang banyak susah-nya, banyak ayer salah, sikit ayer pun salah, nasib2 hujan menanggong samasa kecil", kata Minah. "Lebeh baik padi tugal saja, ada tidak ada ayer sama saja", sambong-nya.

"Susah memotong kayu, menebas belukar, membakar, memarun kayu itu jangan kau lupa Minah", Sahut

(LIHAT MUKA 5)

CHERPEN :

(DARI MUKA 4)

Kula sambil mengipas2kan baju-nya. Kipasan-nya sa-makin kuat.

Di-kamar tidor Laminah kedengaran menanngis menjerit2. Mungkin dia di-gigit nyamok. Mereka tidor tidak berkelambu. Ada kelambu tapi tidak di-pasangkan. Bila sudah mereka ka-empat masuk tidor baharu-lah kelambu di-pasang. Dalam satu kelambu empat orang tidor.

Minah lantas bangun menuju ka-bilek itu. Sa-jurus kedengaran mendiamkan budak itu.

SAYA YANG SA-BENAR-NYA....

Haji Lakim memandang chuacha di-luar rumah. Di-langit di-taburi bintang. Badan-nya juga terasa damal menyebabkan dia terasa gelisah. Belakng-nya gatal2. Menyebabkan dia menyandar ka-janang2 pintu itu tidak tetap. Kula mengikut isteri-nya ka-dalam dengan mata-nya. Bila isteri-nya sudah tiada kelihatan ia menghalakan sa-mula mata-nya ka-hadapan. Bila mereka sudah berhadapan maka Haji Lakim pun berkata: "Saya yang sa-benar-nya datang ka-mari ini". Haji Lakim terhenti sambil melepaskan batuk2 kechil.

"Apa hajat-nya?" tanya Kula sege-ra.

"Mengenai tanah yang di-belakang dapor ini, bagaimana hal-nya sekarang?" tanya-nya.

"Hal yang macham mana Haji maksudkan?" tanya Kula.

"Heh, macham tidak tahu pula, kan tanah ini kepunyaan Allah yarham bapa kami, sudah tentu saya juga ada hak".

Minah yang baharu saja dudok sambil mendengarkan kata Haji Lakim itu lalu menjawab: "Tanah itu kepunyaan saya, mana ada hak kaka' lagi".

"Pasal apa aku tidak ada hak?", bentak Haji Lakim.

"Sudah bapa tukarkan kepada namaku", jelas Minah penuh semangat. "Mana boleh kepada sa-orang saja. Aku mesti ada juga", sahut-nya chepat.

"Itu saya tidak tahu, tapi dalam geran sa-orang saja". Suara Minah tinggi.

Kelihatan muka Haji Lakim merah padam. Di-matikan-nya api paip-nya, lentas di-masokkan-nya ka-dalam gu-longan kain-nya. "Tanah peninggalan bapa hanya sa-bidang ini saja, tidak patut aku tidak ada bagian?". Ia memandang ka-arah Kula. Kula hanya mendiamkan diri. Haji Lakim diam menahankan kemarahan-nya. Muka-nya dan mata-nya merah. Dan dengan suara yang amat perlahan Kula bersuara: "Itu saya tidak tahu Haji, terpulang-lah kepada Haji dan Minah sendiri".

Haji Lakim menghalakan muka-nya kepada Minah. Minah tidak melawan pandangan-nya. Dia segera memandang ka-hala lain dengan memasamkan muka-nya. Haji Lakim bertambah panas. Dia tidak puas dengan jawaban itu. Sa-rasa hendak di-terkam-nya Minah ketika itu. "Anak bapa bukan-nya enam, bukan-nya tujuh-tapi dua orang saja. Mustahil kapadamu saja tumpah waris-nya? Aku anak-nya juga. Aku anak laki2 yang tua, sedangkan kau anak perempuan yang kecil. Tidak patut kaseh bapa kapada sa-orang saja".

"Kalau kita hendak menanngis kenapa tidak sa-waktu masa-nya hidup dahulu?" tanya Minah kepada Haji Lakim sambil memekik membawakan kegeraman hati-nya. Dia menerkam Haji Lakim dengan garang. Kemudian dia melarikan mata-nya.

"Aku mana tau dia menukarkan kapadamu. Baru aku tau waktu ini. Inilah hajatku datang ini hendak menuntut waris, hendak land claim, hendak jumpa D.O.", kata Haji Lakim menekankan suara-nya yang parau

itu. "Kalau kita tidak puas hati pergi-lah jumpa D.O."

"Tentu aku akan jumpa, sebab aku tidak puas hati".

Suasana senyap sa-ketika. Kedengaran dua kali Laminah menjerit2. Tapi tidak di-indahkan Minah. Lepas itu senyap kembali.

Haji Lakim anak sulung. Minah anak bungsu. Itu sahaja anak Allah yarham Awang Besar. Isteri-nya dahulu meninggal dunia daripada-nya, ketika Minah baru jalan2 jato. Hingga Minah besar panjang ia tetap sarumah dengan bapa-nya. Dan hinggalah dia berumah tangga (enam bulan sa-belum bapa-nya meninggal dunia) dia tidak pernah bercherai tidor. Ketika Awang Besar sakit. Minah-lah yang mengurus dan melayan hingga bapa-nya itu menutup mata. Hampir2 tiga bulan orang tua itu sakit tidak lebeh daripada tiga kali Haji Lakim menjengokkan kepala-nya. Itu pun achoh ta' achoh sahaja. Dua kali dia berbuat demikian dan sa-kali betedoh kerana hujan. Hanya apabila bapa-nya itu sudah menutup mata baharu dia menanngis dan menchiung meminta ampun kapada mayat yang sudah kakau itu.

Di-surau dua bulan yang lalu, waktu pelajaran Fara'idz, Haji Lakim mendengar kata Ustaz dalam hal menuntut warith:

"Anak laki2 yang banyak dia dua bahagian adek-nya satu." dapat bahagian daripada anak perempuan.

Dan sa-kunyong2 itu-lah dia ingatkan kapada tanah yang di-belakang dapor Minah itu. Dia mengira2 dalam kepala-nya; tanah itu amat subur, sesuai di-tanami dengan getah dan kawasan perumahan. Tanah-nya rata. Di-tengah2 tanah itu di-belah dua oleh sa-batang parit yang sentiasa ber-ayer. Jika untuk bertanam2an memang senang di-gunakan ayer itu.

JALAN KA-BANDAR BRUNEI

Dan tidak pun sampai beberapa rantai ada pula jalan raya terbentang ka-bandar Brunei hingga ka-batu lapan — Jalan Tutong. Kabar2 yang kenchang akhir2 ini jalan itu akan di-luaskan lagi. Pokok2 getah yang di-tepi2 itu akan di-tebang, kemudian di-buboh batu dan minyak tar hingga membolehkan kereta yang berat dapat masuk. Tentu-nya tanah2 yang di-pinggir jalan itu akan laku jika dengan jualan yang mahal sekali pun. Haji Lakim tahu; tanah2 saperti di-Jalan Muara dan Kota Batu berharga empat hingga empat belas ribu ringgit sa-ekar.

"Apa kata engkau Minah?" tanya Haji Lakim sa-sudah dia lama berfikir.

"Apa kata aku? tidak ada", jawab Minah sambil memalingkan muka-nya ka-tempat lain dengan masam.

Kau hendak diamkan saja hal ini?" tanya Haji Lakim.

"Hendak diamkan dari siapa pula?" tanya Minah pula.

"Dari aku" tegas Haji.

"Jangan ta' sedar, walau pun aku dudok miskin begini, kalau hanya tanah dua ekar itu tidakkan aku hendak menchiuri. Bapa yang kaseh dahulu". Ayer mata Minah mula membasahi pipi-nya. Dia amat sedih mengenangkan hal ayah-nya yang sudah tiada itu. Hinggakan sekarang ini sa-sudah burok badan di-kandung tanah nama-nya terbawa2, di-sebut2 dalam pertelingkahan.

"Haji", suara Kula dengan perlahan bila melihat isteri-nya itu. Suaranya itu amat lembut benar di-dengar Haji Lakim, hingga muka-nya rengas memandang Kula. "Kalau pun di-sebut2 nama orang yang sudah tiada tidak baik, menyakitkan dia juga, begini saja saya fikir —"

"— iyee", Haji Lakim memotong Kula, "Apa fikiran engkau?" sambong-nya lagi dengan bernafsu.

"Jika pun kita bertengkar di-sini

TANAH SA-BIDANG DI-BELAKANG DAPOR

sampai larut tiada hasil-nya, tiada nampak salah benar-nya, nama dalam geran itu tidak juga berubah—"

"— iyee, benar tu benar", putong Haji Lakim lagi dengan lebeh bernafsu."

"Baik kita jumpa tempat Minah tukar nama dahulu, di-sana kita sama2 berterang", suara Kula dengan lembut.

"Itu-lah yang baik-nya, aku memang setuju begitu", kata Haji Lakim lagi bertambah gembira. Nampak muka-nya berseeri2.

"Kau setuju begitu Minah?" tanya Kula kapada isteri-nya.


"Ka-mana pun aku setuju", sahut Minah.

Besok pagi mereka bertiga di-temani oleh Dato' Penghulu pergi ka-Pejabat Tanah.

Sambil membalik2 geran yang lu-suh itu Pegawai Tanah berkata: "Sa-

ya tahu tanah ini", sambil memandang kapada Minah yang maseh dapat di-kenali-nya lagi. "Waktu Awang Besar maseh hidup dulu saya biasa memungut buah di-sini. Tanah ini di-berikan-nya kapada (sambil melihat nama yang dalam geran itu) Minah — anak-nya, sa-bagai pemberian, bukan peninggalan si-mati", kata-nya sambil tersenyum memandang kapada orang yang di-hadapan-nya itu. Gigi emas-nya yang sa-belah itu maseh dalam ingatan Minah. "Dan menurut dalam Land Code Sec. 29 Cap. 40 tahun 40 tahun 1909 orang lain tidak boleh menuntut".

Waktu mereka hendak beredar pulang, Haji Lakim berjalan lebeh pantas, di-tinggalkan-nya kawan2-nya. Dia marah yang tidak puas2 dan dalam kepala-nya terbentang jalan raya lebar, ber-minyak tar. Dan orang berebut2 menchari tanah di-tepi jalan itu.



TANGIS DAN DO'A

(Tangis)

Suatu harapan yang bersinar

Bertabor dalam kenangan

Ada budi di-jauhi

Tabir dosa di-dekati (berdermawisata para agong).

Rindu dan tangisan

Perempuan jalang malam

Choret hitam dan garang

Berselirak merata jalan (bunda selalu bimbang2).

Gelombang berkisar di-pantai

Mengikut nada nyanyi nan kasar

Rinteh merinteh apa di-kata

Semua sudah jadi neraka (tuhan jua tempat berpaut).

(Do'a)

Meratap meminta do'a

Kesal berkisar kapada diri

Damai, damai-lah hati

Anak rindu kepulau baru

Diri yang malang!

Lahir tangis dan do'a

Besok cherah-lah dunia dan manusia

Dari sengketa dosa dan noda (benarkah ini pidato umat sejagat).

Sekolah Melayu S.M.J.A.

Brunei.

— MESRA. —

"DAMAI"

Kawan!

Cherita semalam jangan di-ulang lagi

Ngeri — ngeri rasa hati

Berdegap jantong anak-anak

Oh! sakit-nya

Alang-kah pedih-nya menanngis tiada henti-nya.

Api — api membakar ngeri

Semua hidup redup

Semua hidup rugi

Semua punah harapan

Semua rasa kegelisahan

Yah semua-nya ngeri ngeri.

Sekarang!

Anak-anak mau damai

Kedamaian dalam hidup-nya

Itu-lah suatu harapan

Damai — damai-lah!

Kalau ada lagi api di-waktu malam

Anak-anak mau ber-baris

Negara harus di-selamatkan.

Brunei.

— AWAM AL-DELIMA. —

JAWATAN2 KOSONG DI-JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN BRUNEI

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei:—

(I) Pengarang (Berita): 1 jawatan kosong.

Kelayakkan2 dan Pengalaman: Lulus Sijil Lepas Sekolah Seberang Laut (Overseas School Certificate) atau yang bersamaan dan mendapat pujian dalam bahasa Inggeris. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang telah lulus Darjah V Sekolah Melayu.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya

tiga tahun sa-bagai Pembantu Pengarang di-sa-buah harian Inggeris atau mempunyai Diploma Kewartawanan dari sa-buah maktab yang di-akui dan dua tahun pengalaman sa-bagai wartawan.

Pengetahuan mengenai hal ehwal dunia pada hari ini ada-lah suatu kelebihan.

Chalon yang berjaya di-kehendaki menyunting bahan2 dari perkhidmatan2 berita dan mengarang-nya sa-mula untuk siaran radio.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(II) Pemberita: 2 jawatan kosong.

Kelayakkan2 dan Pengalaman: Lulus Form III dalam bahasa Inggeris atau darjah VII bahasa Melayu.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya tiga tahun sa-bagai pemberita sama ada dengan sa-buah harian Inggeris atau pun harian Melayu dan juga mempunyai pengetahuan yang sederhana mengenai hal ehwal Tenggara Asia pada hari ini khas-nya mengenai kawasan Malaysia. Kebolehan menaip ada-lah suatu kelebihan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$350-370-380x20-620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(III) Pengarang (Penerbitan): 1 jawatan kosong.

Kelayakkan2 dan Pengalaman: Lulus Sijil Lepas Sekolah Seberang Laut atau yang bersamaan dan mendapat pujian dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang lulus Darjah V Sekolah Melayu.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya tiga tahun sa-bagai Pembantu Pengarang di-sa-buah harian Inggeris atau mempunyai Diploma Kewartawanan dari sa-buah maktab yang di-akui dan dua tahun pengalaman sa-bagai wartawan.

Chalon yang berjaya di-kehendaki mengarang risalah2 penerangan dalam bahasa Inggeris dan Melayu dan menyunting karangan2 untuk di-siarkan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(IV) Penolong Pengarang: 2 jawatan kosong.

Kelayakkan2 dan Pengalaman: Lulus Darjah VIII dalam bahasa Inggeris dan Darjah V bahasa Melayu.

Pemohon2 hendak-lah mempunyai pengalaman sa-kurang2-nya lima tahun sa-bagai pemberita akhbar atau tiga tahun sa-bagai Penolong Pengarang sa-buah harian Inggeris atau Melayu.

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki membantu menerbitkan risalah2 penerangan yang di-terbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$400x20-600. Gaji permulaan bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(V) Pegawai Luar: 2 jawatan kosong.

Kelayakkan2: Lulus Form III bahasa Inggeris dan Darjah IV bahasa Melayu.

Gaji: Dalam tingkatan gaji (i) \$211-220x10-260-280-290x20-330 (ii) \$350-370-380x20-560. Gaji permulaan bergantung pada pengalaman dan kelayakkan.

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki memberi sharahan mengikut risalah2 yang di-terbitkan di-mana2 kampung di-dalam negeri.

(VI) Penterjemah K a n a n (Melayu/Inggeris): 1 jawatan kosong.

Kelayakkan: Lulus Sijil Lepas Sekolah Seberang Laut dengan kepujian dalam bahasa Inggeris dan Melayu atau yang bersamaan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$570x30-840. Gaji permulaan

bergantung pada kelayakkan dan pengalaman.

(VII) Penterjemah (Melayu/Inggeris): 1 jawatan kosong.

Kelayakkan:

Lulus Sijil Sekolah Seberang Laut dengan kepujian dalam bahasa Melayu atau yang bersamaan.

Gaji: Dalam tingkatan gaji \$350-370-380x20-620. Gaji permulaan bergantung pada pengalaman dan kelayakkan.

Sharat2 Lantekan:

Jawatan selama tiga tahun termasuk perchubaaan permulaan selama enam bulan. Sambongan ia-lah atas persetujuan bersama.

Chalon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan akan di-beri jawatan tetap sa-telah menamatkan masa perchubaaan selama 3 tahun.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai dengan tambang, rumah, chuti, dan lain2-nya boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akaan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 24 Disember, 1964.

Jawatan Kosong: PEMANDU KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pemandu Kereta Tingkatan II di-Pejabat Hutan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 pemandu dan berumur di-antara 20 dan 40 tahun.

(b) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftar sebagai ra'ayat Sultan.

Tugas2: Chalon yang berjaya akan di-kehendaki memandu land-rover dan kadang2 di-kehendaki bekerja lebeh dari waktu pekerjaan yang biasa. Ia akan di-tempatkan di-Sungai Liang tetapi ia harus di-kehendaki bekerja di-serta2 daerah dalam Brunei.

Gaji: Dalam tingkatan \$180x4-200.

Sharat2 Lantekan: Pemohon yang di-pileh akan bekerja sa-chara perchubaaan selama satu tahun. Sekira-nya di-dapati pekerjaan-nya memuaskan dan dengan sokongan ketua jabatan-nya, dia akan di-tetapkan dalam jawatan-nya. Jika tidak ia-nya akan di-berhentikan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Disember, 1964.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar menerusi Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Tawaran Jabatan Bandaran

Tawaran2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis2 (night-soil) sa-banyak 522 tong di-dalam Kawasan Bandaran, Kuala Belait dan 518 tong di-dalam Kawasan Bandaran Seria, pada sebelah malam.

Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Kewangan Negeri, Tingkat Bawah, Pejabat Kerajaan, Bandar Brunei, sehingga jam 4.00 petang 7 Disember, 1964. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ke-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan nama Penawar.

Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negeri, Bandar Brunei.

Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang

di-atas sampol surat dan perka-taan-nya mesti-lah — PEKERJAAN KERAJAAN MENGA-NGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI-DALAM KAWA-SAN BANDARAN, BANDAR KUALA BELAIT DAN SERIA.

Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

Surat perjanjian mengandongi peratoran2 atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat di-lihat di-Pejabat Bandaran Kuala Belait pada masa bekerja.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sa-habis rendah sekali atau sebarang tawaran.

Dua buah kenderaan khas dengan 2 orang pemandu akan di-sediakan oleh Jabatan Bandaran untuk melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak dikenakan apa2 bayaran.

HADIAH2 KEPUJIAN SHARIKAT MINYAK

Memberi Galakkan Kepada Murid2 Belajar Bersungguh2
— Kata Awang Hashim Haji Tahir

BANDAR BRUNEI. — Satu upacara menyampaikan hadiah2 Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad kepada murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Melayu Bahagian2 Brunei I dan Brunei II telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pagi 24 November, 1964.

Hadiah2 tersebut telah disampaikan oleh Awang Cheah Tat Kheam, bagi pehak Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Guru Besar Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Chegu Dayang Hajibah binti Umar telah memimpin majlis itu.

Di-antara para hadirin di-majlis tersebut ia-lah Pengarah Bahagian Bahasa dan Pustaka, Brunei, Yang Berhormat Awang Haji Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar; Penolong Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Johari bin Abdul Razak; Nadzir Kanan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Awg. Hashim bin Haji Tahir; Awang Abdul Aziz bin Malik dari Sharikat Minyak Shell; Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei I, Awang Shahbudin bin Saleh; Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II, Awang Mohamed Yusof Tahir; Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong, Ampuan Yusof bin Ampuan Daud dan Guru2 Besar Sekolah2 Melayu Bahagian2 Brunei I dan II.

Uchapan2 telah di-sampaikan di-majlis tersebut oleh Guru Be-

sar, Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Dayang Hajibah binti Umar, selaku Pengerusi majlis itu; Awang Cheah Tat Kheam; Nadzir Kanan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, Awang Hashim bin Haji Tahir, selaku Wakil Jabatan Pelajaran Brunei dan oleh wakil murid2 Sekolah2 Melayu Bahagian2 Brunei I dan II, Awang Mohidi bin Haji Basi.

Awang Hashim bin Haji Tahir telah menguchapkan ber-banyak2 terima kasih, bagi pehak Jabatan Pelajaran Negeri Brunei, kepada Sharikat Minyak Shell yang telah sudi memberi dorongan kepada murid2 Sekolah2 Melayu di-negeri ini semenjak beberapa tahun yang lepas dengan menyumbangkan hadiah. Sungguh pun hadiah2 itu berupa benda2 tidak begitu mahal harga-nya, kata Awang Hashim, akan tetapi hadiah2 itu telah memberi galakkan kepada murid2 supaya belajar bersungguh2 dalam segala lapangan.

Beliau berharap kepada murid2 sekalian supaya rajin belajar dengan bersungguh2 mendapatkan ilmu pengetahuan dan dengan pengetahuan itu jangan-lah hendak-nya memikirkan semata2 untuk mendapatkan pekerjaan dari Kerajaan, kerana sebagai sa-orang ra'ayat yang ta'at setia kepada Kerajaan dan negara ini, bukan-lah semata2 bekerja kepada Kerajaan itu, ber-erti memajukan negara ini, akan tetapi memasokki segala lapangan pekerjaan di-negeri ini, seperti jadi nelayan, petani, bertukang atau berkerja kepada sharikat2, terutama sekali Shraikat Minyak

Shell, ini pun sama-lah erti-nya berkhidmat kepada negeri ini.

Awang Hashim berharap juga, pehak Sharikat Minyak Shell akan lebeh banyak lagi memberikan dorongan dengan chara memberi derma2 siswa kepada anak2 negeri ini untuk mempelajari dalam segi perusahaan minyak.

Pengerusi majlis tersebut, Chegu Dayang Hajibah telah menguchapkan ber-banyak2 terima kasih kepada Awang Cheah Tat Kheam atas kesudian beliau hadir di-majlis tersebut untuk menyampaikan hadiah2 kepujian bagi pehak Sharikat Minyak Shell kepada murid2 dari Sekolah2 Melayu Bahagian2 Brunei I dan II yang telah berjaya dalam lapangan pelajaran pada tahun lepas.

Beliau juga telah menguchapkan terima kasih kepada Ahli2 Jawatan Kuasa majlis tersebut yang telah bekerjasama bagi me-

laksanakan majlis itu.

Awang Mohidi bin Haji Basi yang telah memberi ucapan bagi pehak murid2 dari Sekolah Melayu Bahagian2 Brunei I dan II di-majlis tersebut, sa-lain dari menguchapkan ber-banyak2 terima kasih kepada Sharikat Minyak Shell yang telah menghadihkan hadiah2 kepujian kepada murid2 yang berkenaan, telah menguchapkan tahniah kepada murid2 yang berjaya memenangi hadiah2 itu.

Beliau telah meyeru kepada murid itu supaya mereka menjadikan-lah hadiah2 itu sa-bagai pendorong untuk meninggikan mutu pelajaran mereka.

Sa-lepas Wakil Sharikat Minyak Shell menyampikan hadiah2 tersebut, para hadirin telah di-ra'ikan dengan jamuan teh.

Majlis itu di-akhiri dengan persembahan nyanyian Lagu Melayu dan tarian2 yang berchorak kebudayaan Melayu asli oleh murid2 dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah.

P. D. BELAIT MERASMIKAN PEMBUKAAN S. M. MELILAS

KAMPONG MELILAS. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Melilas, Ulu Belait dalam satu upacara yang telah di-langsungkan di-sekolah tersebut pada 21 November, 1964.

Sekolah tersebut letak-nya kira2 120 batu dari Pekan Belait telah di-bena atas kerja gotong royong penduduk2 di-Kampung Melilas dengan bantuan wang dari kerajaan sa-banyak \$400.

Dalam ucapan-nya di-upacara itu, Pengiran Momin antara lain telah berkata bahawa ada-lah chita2 Kerajaan untuk memberi pelajaran kepada seluruh lapisan ra'ayat di-negeri ini terutama sekali penduduk2 yang tinggal terpencil di-ulu2 sungai.

Untuk menchapai chita2 itu, beliau telah menyeru penduduk2

pendalaman supaya dengan tidak ragu2 lagi menchurahkan keperchayaan dan bekerjasama kepada kerajaan.

Penghulu Kampung Melilas, Penghulu Kana bin Mudin telah menguchapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana memberi kemudahan2 keperluan sekolah itu.

Beliau juga menyatakan ta'at setia penduduk2 Kampung Melilas dan berikrar akan memberikan kerjasama kepada Kerajaan dalam berbagai2 lapangan.



Pengarah Perkembangan Sa-berang Laut Palang Merah, Dayang J. Whittington telah melawat ka-Tutong pada masa lawatan-nya ka-Negeri Brunei baharu2 ini. Pada masa lawatan Dayang Whittington ka-Tutong, anggota2 Pasokan Palang Merah Chawangan Tutong telah mengadakan satu perjumpaan mera'ikan Dayang Whittington. Dalam gambar ini kelihatan beberapa orang anggota2 Pasokan Palang Merah Chawangan Tutong menunjukan chara mengikat kepala sa-orang wanita yang "techedra". "Block" — dengan ehsan akhbar "The Borneo Bulletin".

BOLA JARING:

Johan — S. M. Bunut
Naib Johan —
S. M. Md. Alam

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut telah mengalahkan Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria dengan 6 mata berbalas 2 mata dalam perlawanan akhir Bola Jaring antara Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei, bertempat di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang 22 Nov.

Dalam perlawanan2 bola jaring tersebut, peringkat saparoh akhir, Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam Bandar Brunei dengan 12 mata berbalas 3 mata dan Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong dengan 6 mata berbalas 5 mata.

Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Noor Ehsani telah menyampaikan Piala Perak rebutan yang beliau sendiri telah menghadihkan kepada pasokan yang menjadi johan dalam perlawanan tersebut dan juga lain2 hadiah sa-baik sahaja selesai perlawanan bola jaring itu.

Peraduan Bahas Anjoran Asterawani Pusingan Akhir: Patuh Melawan Bakti —4 Disember

BANDAR BRUNEI.—Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) telah mengalahkan Persatuan Bekas Penuntut2 Agama, Brunei dalam Peraduan Bahas Peringkat Saparoh Akhir anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei, di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 27 November, 1964.

PEMBENAAN PELABOHAN MUARA

(Dari Muka Depan)

7 atau 8 bulan lagi. Ini akan membolehkan sharikat penasehat itu, Sir Bruce White, Wolfe Barry dan rakan2-nya memeriksa dan menentukan dokumen2 tawaran untuk berbagai perengkat pembenaan pelabohan itu.

Pembenaan pelabohan itu difikirkan sa-bagai satu perkara besar dalam ranchangan kemajuan negara.

Selain dari mengadakan kemudahan bekerja, ada-lah di-harapkan juga bahawa melalui penghapusan upah2 menguruskan barang2 dan pemunggaan semula untuk di-hantar ka-tempat2 lain, yang selalu di-alami oleh pembawa masuk barang2, maka harga barang2 yang di-gunakan di-negeri ini akan bertambah murah.

Di-bawah ranchangan untuk mengadakan sa-buah pelabohan dalam di-Brunei, Muara akan menjadi sa-buah kawasan bebas bagi perdagangan antara bangsa.

Kawasan Pelabohan Muara akan mengandungi kawasan untuk perusahaan di-mana tanah akan boleh di-dapati untuk pembuatan barang2 untuk di-hantar ka-luar negeri dari bahan2 mentah yang di-dapati di-Brunei.

Ini ia-lah untuk menarek "importer2" dari wilayah2 yang berjiran untuk menggunakan Pelabohan Muara sa-bagai pusat bagi perdagangan antara pelabohan di-wilayah2 Borneo.

MALAM SENI BUDAYA MAKTAB S.O.A.S. DAN S.T.P.R.I.

BANDAR BRUNEI.—Badan Seni Budaya Kebangsaan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri akan mempersembahkan pementasan MALAM SENI BUDAYA di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada malam 18 Disember dan di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 19 Disember.

Berbagai2 acara akan di-persembahkan di-temasha tersebut, di-antara-nya ia-lah Tarian Asli Antara Bangsa, Nanyian2, Derama, Lawak Jenaka, dan lain2-nya.

Tiket2 berharga \$2 dan \$1 untuk orang2 dewasa dan 50 sen untuk kanak2 sekolah boleh-lah di-beli dari skarang di-Pejabat Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Kahar dan Awang Metusin bin Haji Ibrahim.

Majlis itu di-pengerusikan oleh Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar. Peraduan itu di-hakimkan oleh Awang Muhammad bin Haji Serudin, Chegu Abdul Rashid bin Abdul Aziz dan Awang Mohammed Zain Ariff.

Dengan kemenangan-nya dalam Peraduan Bahas tersebut, Pasokan PATUH akan bertemu dengan Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Brunei dalam Peraduan Bahas Peringkat Akhir di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah pada pukul 8.30 pagi hari Juma'at 4 Disember, 1964.

Tajok Perbahasan Peringkat Akhir itu berbunyi, "Untuk KEMAJUAN ma'anusia di-masa hadapan. KEMA'AMORAN lebih penting daripada KETENTERAMAN".

Persatuan PATUH akan bertugas sa-bagai Penchadang, manakala pembangkang-nya ia-lah Persatuan BAKTI.

PERADUAN MENULIS SAJAK ANJORAN ASTERAWANI

BANDAR BRUNEI.—Penu-lis2 Sajak di-seluruh Negeri Brunei ada-lah di-jemput mengambil bahagian dalam Peraduan Menulis Sajak.

Peraduan itu di-adakan di-

Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat2 Daerah Dan Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI.—Peraduan Bachaan Al-Koran Peringkat2 Daerah akan di-adakan seperti berikut: DAERAH BRUNEI/MUARA—12 dan 13 Disember. DAERAH TUNONG—5 Disember. DAERAH BELAIT—12 Disember dan DAERAH TEMBURONG—5 Disember.

Khari2 yang berjaya dalam peraduan2 tersebut akan mewakili Daerah masing2 dalam Peraduan Bachaan Al-Koran Kejohanan Sa-Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada malam2 1 dan 2 Januari, 1965.

bawah anjoran Persatuan Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) Brunei.

Tajok, tema dan panjang Sajak itu di-bebaskan dan mestilah di-taip di-sabelah muka kertas sahaja.

Penulis boleh-lah menggunakan nama samaran (jika ada) di-samping nama yang sa-benar dan alamat.

Tiap2 satu Sajak mesti-lah di-hantarkan dengan tiga salinan.

Tiga buah Sajak yang terbaik akan di-beri hadiah dan satu lagi Sajak akan di-beri hadiah sagu hati.

Semua Sajak yang di-terima akan menjadi hak Persatuan Asterawani dan hendak-lah di-alamatkan kepada Setia Usaha Persatuan Persatuan Asterawani, Awang Muslim Burmat, d/a Peti Surat 434, Brunei tidak lewat dari 31 Disember, 1964. Sajak yang di-terima lewat dari tarikh itu tidak-lah akan di-layani.

Keputusan Pepereksaan Trengkas

BANDAR BRUNEI.—Pepereksaan Trengkas Melayu Tengah-Tahun 1964, Peringkat Tertinggi di-bawah anjoran Trengkas Melayu Institute (Malaya) dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Bahasa dan Pustaka Brunei telah di-adakan di-Brunei pada 31 Mei, 1964.

Chalun2 yang telah lulus dalam pepereksaan tersebut, kepantasan-nya 110 perkataan sa-minit ada-lah seperti berikut:

Serudin bin Mohd. Tarif, Tamit bin Hanafiah, Hamdan bin Haji Nawang, Awangku Metarsad bin Pengiran Metassan, M. Noordin bin Haji Tengah, Awangku Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman dan Hassan bin Louis.

Sambutan Isra' Dan Me'raj

BANDAR BRUNEI.—Ramai umat Islam telah hadir di-majlis sambutan Isra' dan Me'raj yang telah di-adakan di-bawah anjoran Bahagian Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei di-Dewan Kemasharakatan pada hari Selasa 1 Disember, 1964.

Di-antara acara2 yang telah di-adakan di-majlis tersebut ia-lah Bacha'an Al-Koran, Peraduan Membacha Sajak, Nashid, Sharahan Isra' dan Me'raj dan lain2-nya.

Majlis itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaludin dan beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya dalam peraduan Membacha Sajak.

CHABUTAN LOTRI PENGAKAP

BANDAR BRUNEI.—Chabutan tiket lotri anjoran Persatuan Pengakap Daerah Brunei untuk membantu tabung derma bagi menghantarkan rombongan Pengakap2 dari Brunei menghadiri Perkhemahan Pengakap Sa-Dunia di-Australia pada penghujung tahun ini, telah di-adakan di-temasha Pasar Gembira Pengakap di-Bandar Brunei pada petang hari Ahad yang lalu.

Pemangku Menteri Besar Brunei Y.A.B. Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof telah merasmikan pembukaan Pasar Gembira tersebut pada petang 27 Disember.

Keputusan lotri tersebut ia-lah: Hadiah Pertama—Tiket nombor 02821—sa-buah kereta Ford Anglia. Hadiah Kedua—Tiket nombor 11671, ia-itu tambang kapal terbang dengan perchuma dari Brunei ka-Hong Kong dan balek ka-Brunei serta tempat tinggal, makan dan melawat Hong Kong dengan perchuma selama sa-minggu. Hadiah Ketiga—Tiket nombor 03143, ia-itu sa-buah basikal sport jenis "Raleigh" dan 48 lagi hadiah2 sagu hati.

Kelepasan

Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI.—Kelepasan Penggal Akhir Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei akan di-mulai pada 25 Disember, 1964. Sekolah2 itu akan di-buka sa-mula sa-lepas Hari Raya Puasa tahun hadapan.

Berbagai2 acara seperti Malam Ria, Malam Gembira, Malam Anika Warna dan lain2-nya akan di-adakan di-sekolah2 tersebut sa-belum 25 Disember.

Balek Dari Australia

BERAKAS.—Pengaroh Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Yang Berhormat Awang G.V. de Freitas dan Ketua Jurutera Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang Michael Chen telah kembali ka-Brunei dari Australia pada petang hari Ahad yang lalu sa-lepas menghadiri Persidangan Agung Kesatuan Penyiaran Asia di-Sydney.

Be'iau2 itu telah di-temui di-Lapangan Terbang Berakas oleh Timbalan Pengarah Penyiaran dan Penerangan Brunei, Awang Mohamed Salleh bin Abdul Kadir.